

# MANFAAT TEKNOLOGI DIGITAL

## Dalam Penyampaian Dakwah



**F**irman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125: "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

Merujuk kepada maksud ayat di atas yang telah diturunkan kepada Baginda Rasulullah SAW pada 1400 tahun yang lalu, membuktikan begitu relevannya ayat ini mengikut rentasan zaman sehinggalah ke hari ini dan seterusnya sampai ke penghujung zaman nanti dengan tiga kaedah utama yang digariskan sebagai panduan kepada para da'ie untuk menyeru manusia kepada jalan yang diridhai Allah SWT.

Tiga kaedah bagi para da'ie untuk menyeru manusia kepada jalan yang diridhai Allah SWT adalah 1) bil-hikmah (Dengan Hikmah), 2) mau'izatil-hasanah (pelajaran atau nasihat yang baik) dan 3) jādil-hum billati hiya ahsan (berdialog atau berdiskusi dengan cara yang paling baik). Tiga kaedah tersebut akan diraikan secara ringkas mengikut kesesuaian dakwah pada masa kini yang lebih dikenali sebagai 'Dakwah Digital'. Pendekatan "Dakwah Digital" sudah menjadi sinonim di era globalisasi yang sudah tentunya memerlukan suntikan pembaharuan secara berterusan, baik dari segi isi kandungan, cara pendekatan maupun strategi dakwah yang digunakan. Keperibagiaan cara atau metod sasaran dakwah menuntut kepada idea dan inovasi baharu dalam berdakwah dengan merujuk kepada tiga kaedah yang disebutkan di atas:

### 1 Bil-hikmah (Dengan Hikmah)

Perkataan Hikmah jika disandarkan kepada konsep 'Dakwah Digital', amat luas maksudnya. Ianya boleh juga dirujuk sebagai kaedah yang sesuai untuk digunakan oleh para da'ie dalam menyampaikan sesuatu mesej. Ianya juga perlu kepada olahan dan sentuhan mengikut kesesuaian pendekatan secara digital melalui Teknologi Maklumat (TM) masa kini. Apa yang penting, mesej dakwah berjaya difahami dan disampaikan kepada sasaran dakwah.

Dengan lonjakan kemajuan teknologi dan informasi yang semakin canggih, maklumat dapat diakses secara mudah dan mampu merentasi sempadan sehingga menjangkau ke setiap ceruk dunia. Sudah tentunya pendekatan dakwah tidak lagi bercirikan konvensional dengan cara berhadapan dengan audience yang dapat dilihat serta kehadiran yang terhad. Manakala suasana dakwah telah berubah mengikut trend masa kini yang memerlukan sentuhan penuh hikmah dalam setiap penyampaian yang tidak terbatas kepada kelompok tertentu sahaja tetapi melangkahi batasan geografi selagi mana capaian internet boleh diakses.

Perlu diingat, audience atau orang yang akan menerima mesej dakwah tidak lagi tertumpu kepada umat Islam sahaja tetapi kepada penganut agama lain juga. Justeru pendekatan dakwah dengan cara hikmah perlu dititik beratkan bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada sesiapa sahaja.

### 2 Mau'izatil-hasanah (pelajaran atau nasihat yang baik)

Sudah semestinya tugas utama sebagai seorang pendakwah adalah menasihati, mengajak, mendorong, memotivasi dan mempengaruhi serta mendoakan orang lain agar dapat melakukan kebaikan atau selalu dalam kebaikan.

Memadani dunia digital yang tersedia dengan pelbagai platform media seperti media sosial yang terdiri dari Facebook, Twitter, Telegram, Whatsapp, Youtube, Instagram dan lain-lain lagi, sudah tentu mesej dakwah yang ingin disampaikan menjurus kepada segala sesuatu yang baik dan bermanfaat dan dalam masa yang sama tidak melupakan mereka yang terdiri daripada masyarakat berbilang agama dan bangsa kerana mereka juga turut menjadi sasaran utama dakwah selagi umat Islam.

Sekiranya penyampaian dibuat melalui saluran video secara live ataupun sebaliknya, seorang pendakwah perlu menonjolkan penampilan yang kemas dan teratur, ucapan yang baik dan indah serta penuh dengan kekeluargaan, agar mereka yang menonton dan mendengar mesej yang disampaikan terkesan dan sekaligus dapat menerima nasihat tersebut.

### 3 Jādil-hum billati hiya ahsan (berdialog atau berdiskusi dengan cara yang baik)

Tujuan dakwah bukanlah untuk mencari kemenangan dan populariti kerana apa yang dilakukan adalah semata-mata untuk meraih keredhaan Allah SWT.

Tentangan dan cabaran sudah semestinya menjadi asas garam para pendakwah kerana ia merupakan manhaj atau jalan yang telah ditempuhi oleh para Nabi dan Rasul sepanjang zaman

Justeru dalam melaksanakan dakwah melalui kaedah baru atau disebut 'dakwah digital' sudah tentunya tidak semua manusia akan menerima dan bersetuju dengan mesej yang disampaikan. Bersedialah untuk berhadapan dengan segala cemahan, makian, tuduhan yang tidak sepatutnya dan juga ugutan malahan berkemungkinan turut berdepan dengan saman oleh mereka yang tidak berpuas hati kerana semakin luas capaian dakwah, semakin tinggi risiko dan cabaran yang bakal dihadapi.

Maka hadapihlah segalanya dengan tenang atau dengan kata lain bersabarlah dan berdebatlah atau berdiskusi dengan cara yang terbaik tanpa menjangkakan dan mencemuh pihak lain walaupun berada di landasan yang benar. Itulah maksud sebenar dari prinsip 'jādil-hum billati hiya ahsan'.

Kesimpulannya, kita perlu menerima hakikat bahawa cara dakwah sudah berubah. Perkembangan dan lonjakan teknologi yang semakin maju telah memberi ruang dan peluang kepada para pendakwah untuk memilih dan menyesuaikan diri dengan rentak 'dakwah digital' yang semakin mendapat tempat disisi masyarakat.

Sebagai contoh, dalam masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia sejak Mac 2020 menyebabkan rakyat Malaysia telah mula beralih kepada penggunaan internet sebagai medium utama untuk berkomunikasi termasuklah mesyuarat, perjumpaan, latihan, seminar dan sebagainya. Tidak terkecuali juga di sekolah, Institut Pengajian Tinggi dan masjid yang telah memulakan pengajian atau pembelajaran secara online. Pendek kata, mahu atau tidak mahu, kenyataan ini harus diterima sebagai norma baru dalam kehidupan setiap insan hari ini.

Walau selanghlah manapun perubahan dunia ini berlaku, prinsip dan kaedah dakwah tidak dapat lari dari petunjuk yang digariskan dalam al-'Uran dan ianya akan sentiasa dijadikan panduan sepanjang zaman. Wallahu Alam.